

BAB DUA

TEORI HUBUNGAN GENDER DAN POLITIK

2.1. Definisi Gender

Hubungan gender sering disalahanggap sebagai perbezaan jantina yang wujud di antara lelaki dan wanita. Memang benar jantina kedua kumpulan ini dengan jelas menunjukkan perbezaan fizikal antara lelaki dan wanita seperti jenis-jenis kromoson, alat sulit pada tubuh badan, pengeluaran bulu rompa, perbezaan suara dan sebagainya. Perbezaan yang wujud antara lelaki dan wanita ini lebih menjurus kepada perbezaan biologi.¹ Jantina bukan merupakan ciri utama apabila membicarakan tentang peranan dan hubungan gender dalam sesuatu masyarakat. Hubungan gender dalam sesebuah masyarakat berubah mengikut interaksi di antara lelaki dan wanita yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Pengaruh sosial budaya dikatakan faktor penting yang mencorak kelakian dan kewanitaan seseorang individu itu. Ringkasnya, gender boleh difahami sebagai suatu hubungan sosial di antara lelaki dan wanita yang wujud akibat daripada perbezaan jantina.

Raslan Ahmad (1990) memberi maksud hubungan gender itu sebagai kesamaan dan ketaksamaan antara peranan dan penggunaan tenaga kerja lelaki dan wanita.² Ng Choon Sim (1985) pernah menjelaskan bahawa hubungan gender bukan sahaja mengkaji peranan kaum wanita tetapi juga hubungan yang sedia ada di antara lelaki dan wanita.

¹ Glick, Peter & Susan T. Fiske, "Gender, Power Dynamics and Social Interaction", dalam Myra Marx Ferree, Judith Lorber & Beth B. Hess (pnyt), **Revisioning Gender**, London, Sage Publications, 1998, m.s. 366.

² Raslan Ahmad, "Gender, Pembahagian Kerja dan pengambilan Keputusan Masyarakat Luar Bandar," Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah IPT, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1990, m.s. 2.

Secara lazimnya hubungan sosial kedua-dua jantina ini tidak sama kerana karakter lelaki telah digunakan untuk mendefinisikan kaum mereka sebagai lebih dominan.³ Justeru itu, hubungan interaksi sosial yang dikonstruksi oleh masyarakat telah menyebabkan wujudnya ‘*gender subordination*’ iaitu suatu konsep yang melambangkan ciri hubungan lelaki dan wanita.⁴ Dalam hal ini lelaki adalah dominan manakala wanita pula adalah subordinat.

Kelakian atau kewanitaan seseorang itu dibentuk melalui karakter-karakter, ekspektasi dan pola tingkah laku yang tertentu. Secara umumnya, ketiga-tiga ciri di atas membentuk satu identiti sosial yang dikenali sebagai peranan gender. Menurut Ann Oakley (1972), kebanyakan masyarakat mempercayai dan memberi penakrifian mengenai gender berdasarkan kepada perbezaan jantina.⁵ Hanya kaum wanita yang boleh mengandung, melahirkan dan menyusukan bayi. Oleh itu terdapat hubungan yang kuat di antara wanita dengan arena domestik berbanding dengan kaum lelaki.⁶ Dalam keadaan ini, penakrifian gender lahir daripada interpretasi sosial tentang perbezaan fizikal dan biologikal jantina individu terbabit. Teori yang berdasarkan biologi juga melihat keterampilan fizikal lelaki yang agresif dengan sifat-sifat yang kuat, besar, tangkas dan cergas.⁷ Pengertian yang diberi ini tidak dapat menjelaskan perbezaan pembahagian kerja antara lelaki dan wanita dalam arena domestik dan awam. Ann Oakley (1972)

³ NG Choon Sim, “The Organisation of Gender Relations in Rural Malay Community,” Disertasi Ijazah Sarjana Doktor Falsafah IPT, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1985, m.s.16.

⁴ Raslan Ahmad, “Gender, Pembahagian Kerja dan pengambilan Keputusan Masyarakat Luar Bandar,” Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah IPT, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1990, m.s. 21.

⁵ Ann Oakley, **Sex, Gender & Society**, New York, Harpert Row, 1972, m.s. 158.

⁶ Waters, M. & Crook, R., **Sociology One**, Melbourne, Longman Cheshire, 1990, m.s. 191.

⁷ Maria Richmond Abott, **Masculine and Feminisme: Gender Roles Over The Life Circle**, New York, McGrawhill, 1992, m.s. 20.

menegaskan lagi, perkembangan identiti diri seseorang individu yang menentukan kelakian atau kewanitaannya. Beliau mendakwa;

*It is true that every society uses biological sex as a creation for the ascription of gender but, beyond that simple starting point, no cultures would agree completely on what distinguishes one gender from the other.*⁸

Pada pandangan West & Zimmering (1991) pula, gender adalah satu status yang dicapai dan dikonstruksi melalui proses psikologi, budaya dan sosial masyarakat setempat.⁹ Konsep gender menurut mereka adalah sebagai satu ideologi yang dihasilkan melalui struktur dan perubahan yang berlaku dalam proses sosial.¹⁰ Institusi-institusi sosial seperti undang-undang, perhubungan bahasa dan identiti juga mempengaruhi konsep gender. Ini disokong oleh struktur-struktur sosial yang memisahkan pembahagian tugas lelaki dan wanita yang secara tidak langsung memberi makna yang khusus kepada kelakian dan kewanitaan.

Menurut West & Zimmering (1991) lagi, gender perlu difahami sebagai perkara yang rutin, '*methodical*' dan dicapai melalui proses yang berulang-ulang. Dalam sesebuah masyarakat, hubungan gender menjadi satu perkara yang penting dan '*essential*' serta terhasil melalui interaksi-interaksi yang berlaku dalam institusi-institusi sosial.

*...an emergent feature of social institutions: as both an outcome and a rationale for the various social arrangements and as a means of legitimating one of the most fundamental divisions of society.*¹¹

⁸ Anne Oakley, *op. cit.*, m.s. 158.

⁹ West, C. & Zimmerman, D. H., "Doing Gender," dalam Judith Lorber & Susan A. Farrell (pnyt), *The Social Construction of Gender*, London, Sage Publications, 1991, m.s. 13.

¹⁰ Glenn, N., Evelyn, "The Social Construction and Institutionalisation of Gender and Race: An Integrative Framework", dalam Myra Marx Ferree, Judith Lorber & Beth B. Hess (pnyt), *Revising Gender*, London, Sage Publications, 1998, m.s. 3-4.

¹¹ West, C. & Zimmerman, "Doing Gender", m.s. 14.

Ini bermaksud gender itu sebagai hubungan atau interaksi yang berlaku dalam kegiatan harian dan dikawal oleh norma-norma kebudayaan yang mengawasi tingkah laku dan aktiviti bersesuaian dengan kategori jantina seseorang itu. Dalam memahami hubungan gender di antara lelaki dan wanita, masyarakat telah mengadakan perbezaan peranan di antara dua kategori jantina ini. Apabila wujudnya perbezaan ini maka dengan sendirinya sebarang urusan yang berkaitan dengan perbezaan lelaki dan wanita itu akan mengukuhkan lagi nilai-nilai gender ke dalam masyarakat tersebut.

Ku Zam-Zam & Tune Yap Beng (1995) mendefinisikan gender sebagai satu keadaan simbolik yang menghubungkan jantina kepada ideologi budaya berdasarkan kepada norma, nilai dan penentuan status di dalam sesebuah masyarakat.¹² Walau bagaimanapun, perbincangan tentang hubungan gender sering memaparkan ketaksamaan sosial antara jantina. Dalam kehidupan masyarakat, hubungan gender amat penting untuk menentukan pengaruh lelaki dan wanita dalam bidang-bidang yang tertentu. Ini kerana kewujudan dominasi peranan akan menentukan pembahagian kedudukan sosial seseorang individu dalam masyarakat. Oleh itu, faktor sampingan selain daripada jantina iaitu budaya, agama, pendidikan serta nilai-nilai hidup menentukan perkembangan hubungan gender. Ini secara tidak langsung menunjukkan hubungan sosial dan hubungan gender saling berkait rapat dan ‘pergantungan’ antara dua aspek ini akan menentukan perjalanan dan hubungan lelaki dan wanita dalam masyarakat.

¹² Ku Zam Zam Ku Idris & Tune Yap Beng, “Gender Dari Perspektif Masyarakat Melayu: Beberapa Pandangan Umum”, dalam Wan Abdul Kadir (pnyt), **100 Tahun Za’ba : Za’ba Pejuang Bangsa**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995, m.s. 230-231.

Dalam memberi pengertian yang lebih umum mengenai gender, Rashila Ramli (1997) telah merujuk kepada Hess & Ferre (1987) dan Manderson (1991) yang mendefinisikan gender sebagai hubungan yang dibina dan dikonstruksi oleh sosial di antara lelaki dan wanita yang kemudiannya akan menentukan perbuatan dan nilai-nilai yang bersesuaian dengan kepercayaan serta pegangan budaya dalam masyarakat terabdi.¹³ Malah menurut Rashila Ramli (1995) lagi, justifikasi hubungan gender dalam masyarakat Melayu dikaitkan dengan budaya Asia atau '*Asian value*' yang meletakkan wanita dalam bidang peribadi dan lelaki dalam bidang awam seperti aktiviti politik. Di dalam kertas kerjanya, Rashila (1997) menerangkan, Tonneson (1996) menggariskan 3 nilai hidup budaya Asia yang dilihat menyekat kebebasan wanita dalam bidang awam dan dipinggirkan ke dalam '*private*'. Oleh kerana aktiviti politik tertumpu kepada bidang awam, maka sudah tentu bidang politik dikuasai oleh lelaki yang kemudiannya mengukuhkan lagi kedudukan mereka melalui interpretasi agama dan budaya. Ia memberi kebebasan penuh kepada kaum lelaki untuk bergerak dalam arena awam. Tiga nilai kebudayaan orang-orang Asia yang dimaksudkan oleh Tonneson (1996) ialah¹⁴:

- a) keperluan orang ramai atau masyarakat hendaklah diutamakan terlebih dahulu daripada keperluan individu.
- b) menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat adalah perkara yang lebih utama daripada menunaikan hak masing-masing.
- c) ianya juga bergantung kepada kekuatan kerajaan dalam menjamin pembangunan dan perkembangan ekonomi.

¹³ Rashila Ramli, "Political Participation of Women in Malaysia", m.s. 1-18.

¹⁴ Ibid.

Disebabkan pengaruh pegangan ketiga-tiga ciri di atas maka kaum lelaki Asia memperolehi kebebasan yang lebih luas untuk bergerak dalam kehidupan awam.

2.2. Definisi Politik

Ketidaksamaan kuasa dalam politik memberi kesan yang bukan sedikit kepada wanita. Penggunaan perkataan politik membawa erti dan makna yang berbagai di antara seorang individu dengan individu yang lain. Isu-isu politik sentiasa mendapat tempat di dalam media massa termasuk juga hal-hal yang berkaitan dengan ahli politik, tidak kira lelaki atau wanita. Definasi politik adalah luas. Politik bukan hanya merujuk kepada proses pilihanraya atau tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan. Politik sebenarnya merangkumi proses pengagihan atau penggunaan kuasa merangkumi sumber dan tenaga mengikut identiti dan nilai masyarakat setempat. Menurut Isjwara (1974) politik merupakan suatu organisasi yang bertujuan memberikan suatu kehidupan yang baik bagi sesebuah masyarakat yang tinggal dalam satu negara.¹⁵ Ahmad Haji Zainal Abidin Ahmad (1977) menyatakan yang perkataan politik berasal daripada perkataan *polis* yang bererti kemajuan.¹⁶ Rosmah Ahmad (1997) memetik definisi politik menurut kamus Oxford yang berbunyi,

...ilmu dan seni kerajaan , sains yang berkaitan dengan bentuk, organisasi dan pentadbiran sesebuah negara, sebahagian daripadanya dan yang berkaitan dengan peraturan hubungan sesebuah negara dengan negara-negara lain.¹⁷

¹⁵ Isjwara, S.H., **Pengantar Ilmu Politik**, Bandung, Penerbit Bina Cipta, 1974, m.s. 18.

¹⁶ Ahmad H. Zainal Abidin Ahmad, **Ilmu Politik Islam**, Jilid 1, Jakarta, 1977, m.s. 1.

¹⁷ Dipetik daripada Rosmah Ahmad, "Penglibatan Wanita Dalam politik: Kajian Kes Wanita UMNO Lembah Pantai Kuala Lumpur," Latihan Ilmiah, Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996/1997, m.s. 10.

Politik di dalam sesebuah organisasi itu melibatkan kuasa, pengaruh dan kepimpinan yang tinggi. Penakrifan politik sebagai suatu urusan untuk mentadbir sesebuah negara diterangkan dengan lebih jelas oleh Parton dan Gill (1982). Menurut mereka, melalui politik, ahli masyarakat akan memahami dan mengawal perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka serta mempelajari prinsip-prinsip serta cara-cara yang perlu digunakan.¹⁸ Dengan kata lain, politik bermaksud satu cara yang menyebabkan orang ramai bersama-sama menyusun kepentingan mereka dan menggunakan langkah-langkah atau strategi-strategi yang sesuai untuk mencapai tujuan dan matlamat tersebut. Alan R. Ball (1993) mendakwa yang politik itu sebagai satu keperluan dalam membuat sesuatu pilihan bagi kepentingan masyarakat itu sendiri.¹⁹

Menurut Kamilia Ibrahim (1993), Al-Ghazali, seorang tokoh agama di dalam bukunya **Fatihatul-‘Ulum** memberi makna politik sebagai,

...perpaduan pergaulan dan tolong menolong kerana kepentingan hidup serta cara-cara mengawalnya. Membersihkan akhlak dan memberi petunjuk ke arah jalan yang membawa kepada kebaikan dan kebahagian insan. Perlu ada kerjasama antara sarjana sains politik dan ahli politik untuk sama-sama membimbang masyarakat ke arah tolong menolong dalam menunaikan kerja-kerja yang mestilah dilaksanakan dengan sempurna dan memelihara keutuhan masyarakat dan kestabilannya.²⁰

Politik juga turut dianggap sebagai satu konsep pemerintahan negara yang melibatkan kuasa, kedaulatan, pentadbiran, pengurusan dan pembangunan yang menyentuh soal-soal sistem politik, bentuk politik, struktur dan fungsi, pengagihan kuasa dan dasar kerajaan.²¹ Mengikut pengertian Islam, politik bermakna siasah iaitu melakukan

¹⁸ Porton & Gill, **Introduction to Politics**, Oxford, Roberton, 1982, m.s. 9.

¹⁹ Ball, A. R., **Politik dan Kerajaan Moden**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, m.s. 30.

²⁰ Kamilia Ibrahim, ‘Ethnicity, Political Awareness and Participation’, dalam Robert Haas dan Rahmah Hashim (pnyt), **Malaysian Women: Their Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institute for Development Communication, 1994, m.s. 71-74.

²¹ Noorzila Jalaludin, “Kepimpinan Wanita Tiada Tandingan” **Majalah Al-Islam**, Oktober, 1999, m.s. 51.

sesuatu tindakan yang mendatangkan kebaikan serta diterima pakai dalam sesebuah negara itu. Apabila timbul persoalan yang melibatkan kepentingan bersama dalam masyarakat maka unsur politik juga mungkin timbul. Solter(1965) menegaskan,

...there is, as we shall see, no aspect on our common life which may not, sometimes, somehow, become politics.²²

Setiap aspek kehidupan manusia dikuasai politik, sama ada ianya boleh membawa kebaikan dan keburukan bergantung kepada cara mana politik digunakan. Menurut Solter (1965) lagi, beliau mentafsirkan kegiatan di dalam politik sebagai:

...an activity of a community exercised through and under the state, and what is political and what is not is therefore valid.²³

Negara atau '*the state*' yang dimaksudkan ini mampu mempengaruhi tingkah laku individu melalui kuasa yang diperolehi dalam politik. Kuasa politik ini boleh digunakan dalam bentuk positif atau negatif.²⁴ Andrew (1995) menegaskan hubungan di antara gender dan politik adalah seperti berikut:

...the study of politics has generally been defined as relating to the public sphere; therefore much of the theorizing about gender divisions reproduce the division between public and private in society and the relegations of women to the private sphere is excluded by definition from the field of study.²⁵

Kegiatan politik dilihat sebagai kegiatan di dalam medan perjuangan untuk mengatasi kuasa dominasi yang ada pada sesetengah institusi. Idea ini datang daripada Foucault, seorang ahli teori pasca-modenisasi dan pasca strukturalis. Beliau menegaskan

²² Solter, R. H., **An Introduction To Politics**, Longman, Green & Co, 1965, m.s. 1.

²³ Ibid., m.s. 1.

²⁴ Ball, A. R., **op. cit.**, m.s. 30.

²⁵ Andrew, C., "Conclusion: The Fire Line-Strategies For Change", dalam Francois-Pierre Gingras (pnyt), **Gender & Politics in Contemporary Canada**, Oxford, Toronto, 1995, m.s. 251.

bahawa pengetahuan mengenai ilmu dan kebolehan untuk menggunakan ilmu tersebut adalah suatu bentuk penggunaan kuasa. Oleh itu, wanita boleh menggunakan politik untuk mendapatkan kuasa bagi meningkatkan kedudukan mereka. Ini bermakna, wanita telah menggunakan peranan yang dilabelkan oleh masyarakat untuk bertindak dalam politik. Ini dilakukan dengan meneroka hubungan di antara identiti gender dan kegiatan politik tanpa mengecualikan kelas, bangsa dan bentuk aktiviti tersebut. Wanita mengeksplorasi peranan mereka seorang ibu dan pengurus rumah tangga sebagai asas untuk memprotes ketidaksamaan hubungan gender dalam kehidupan awam.

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang diberi di atas, politik membawa pengertian yang luas dan tidak ada definisi yang benar-benar tepat. Tetapi ia adalah satu bidang penting dalam kehidupan manusia. Kajian-kajian yang dilakukan mengenai hubungan politik dan gender kadangkala menyebabkan wujudnya jurang kefahaman yang lebih besar mengenai peranan gender dalam arena awam dan peribadi. Ini kerana dalam kajian mengenai politik seorang pengkaji sering mendefinisikan politik itu sebagai satu bidang awam. Ini bermakna penakrifan mengenai ruangan atau kehidupan awam perlu dikaji semula agar pengaruh dan peranan wanita di dalam politik diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Para feminis menolak definisi yang mengawal arena politik sebagai aktiviti kelelakian. Dunia politik dianggap melibatkan persaingan yang sengit, keagresifan, kebebasan, kuasa, membuat keputusan yang rasional serta korupsi serta tidak sesuai untuk wanita.²⁶ Tetapi halangan wanita yang utama bukan kerana tiada kemampuan untuk menghadapi cabaran tersebut sebaliknya terikat dengan peranan tradisional kewanitaan yang sentiasa dikaitkan dengan mereka.

²⁶ Sapiro, V., op.cit., m.s. 30.

Perjalanan politik selalunya didokongi oleh organisasi yang dikenali sebagai parti-parti politik. Kebanyakan parti politik ini mempunyai matlamat untuk mendapatkan kuasa untuk memerintah. Di samping itu, kuasa ini juga diperlukan untuk melaksanakan segala macam perancangan aktiviti berdasarkan kepada ideologi dan dasar perjuangan parti. Richard Rose (1976) menegaskan, parti politik ialah sebuah organisasi yang terbentuk hasil daripada pertandingan serta menang dengan pilihan terbanyak dan berjaya memegang kuasa untuk menjalankan dasar-dasar pemerintahan negara.²⁷ Pandangan ini menyokong kenyataan Jacobson & Lipmen (1966), tentang parti politik iaitu;

*...an organised association of voters which seeks to control the personal and policies of a government.*²⁸

Penakrifan sebegini menunjukkan bahawa politik adalah suatu kuasa yang dimenangi hasil daripada pilihan majoriti rakyat. Manakala parti politik sebagai sebuah badan organisasi yang dipimpin oleh rakyat untuk turut serta dalam sebuah pentadbiran negara. Ini bermakna jawatan-jawatan awam di dalam kerajaan akan dipegang oleh rakyat dan membentuk suatu organisasi yang formal. Mereka bertanggungjawab untuk membuat dan melaksanakan dasar-dasar awam. Dengan kata lain, suara kerajaan mewakili suara rakyat.

Gender dan politik merupakan dua perkara yang saling berhubung kait. Melalui saluran politik, kaum wanita akan dapat meningkatkan taraf hidup mereka dengan melibatkan diri dalam proses penentuan dasar kerajaan terhadap isu-isu serta polisi-polisi yang boleh mendatangkan manfaat kepada kaum wanita. Adanya persamaan hak

²⁷ Richard, R., **The Problem of Party Government**, Penguin, Ontario, 1976, m.s. 2-3.

²⁸ Jacobson & Lipmen, **Political Science**, New York, Bennert & Nobles Inc, 1966, m.s. 90.

berpolitik yang dicapai oleh kaum wanita merupakan antara mekanisma yang paling penting untuk menyuarakan pendapat mereka berhubung dengan nasib kaum wanita.²⁹ Perubahan ini sudah tentu akan menarik perhatian kaum lelaki supaya memberi tumpuan kepada isu-isu dalam institusi perkahwinan, perceraian, ketidaksamaan gaji dan masalah perundangan yang dihadapi oleh kaum wanita³⁰ termasuk isu pendidikan dan hak asasi manusia.

2.3. Gender dan Legitimasi Politik

Beberapa orang tokoh pemimpin wanita Asia yang ternama dan berjaya meletakkan diri sebaris dengan pemimpin dunia lelaki termasuk Benazir Bhutto, Corezon Aquino, Khalida Zia, Suu Kyi, Megawati dan yang terbaru Arroyo. Golongan wanita ini merupakan para pemimpin yang berjaya menjadi ketua negara dan memainkan peranan yang penting dalam politik tanah air masing-masing. Bagaimanapun kebanyakannya pemimpin wanita ini menceburkan diri dalam politik di atas sebab-sebab peribadi. Mereka bergiat di dalam politik untuk mempertahankan nama baik dan maruah keluarga yang selalunya melibatkan sama ada ayah atau suami daripada ketidakadilan.

...all of them were thrust into politics by circumstances.³¹

Frank Ching (1999) mendakwa sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Asia, kebanyakannya wanita yang menceburkan diri dalam politik dan dipilih sebagai pemimpin terlibat kerana

²⁹ Pharr, J., Susan., **Political Women In Japan**, Berkeley, Uni. Of California Press, 1981, m.s. 1-6.

³⁰ Eldridge, P., "Reflections on NON-Government Organisations and Social Movements In Malaysia", **Uni** of Melbourne, Seventh Malaysia Society Colloquim, 1991, m.s. 12.

³¹ Yang Razali Kassim, "Rise of Women in Asian Politics: Megawati, Azizah Highlight Trend in Political Emancipation", **Singapore Bussiness Times**, 16 June 2000. Boleh didapati di laman web <<http://newslink.asia1.com.sg/>>, (17 Ogos 2000).

faktor suami atau ayah.³² Ramlah Adam (1978) dan Manderson (1980) yang menghuraikan pembabitan wanita Melayu dalam politik terutama di kalangan wanita UMNO telah menegaskan bahawa para pemimpin pergerakan wanita UMNO terpilih kerana kedudukan ahli keluarga lelaki.³³ Dengan kata lain kedudukan status sosial suami menjamin penglibatan wanita secara aktif dalam politik dan di peringkat kepimpinan.

Rajah 2.1 menunjukkan kebanyakan ahli politik wanita tempatan yang berjaya kerana pencapaian diri sendiri seperti Dato' Seri Rafidah Aziz, Dato' Dr. Siti Zaharah, Dato' Napsiah Omar, merupakan golongan yang mendapat pendidikan tinggi dan profesional. Manakala Ibu Zain dan Khadijah Sidek dikagumi dengan kebolehan mereka sebagai ahli politik yang berwibawa. Penglibatan awal Aishah Ghani dan Sakinah Junid adalah kerana pendidikan tetapi penglibatan suami dalam bidang politik mengukuhkan lagi kerjaya politik mereka. Dari segi keterampilan, penampilan tokoh-tokoh wanita tempatan cuma di peringkat Malaysia sahaja sedangkan tokoh-tokoh wanita luar negara seperti Aquino dan Megawati memainkan peranan penting dalam menentukan halatuju percaturan politik di negara mereka. Hanya Rafidah Aziz sahaja yang terkenal di peringkat antarabangsa bersesuaian dengan kementerian yang diterajuinya iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Peranan sokongan wanita kepada kaum lelaki ketara dari segi penglibatan mereka disebabkan oleh faktor keluarga sama ada suami atau bapa. Emansipasi wanita tidak timbul begitu sahaja tetapi mesti ada faktor tertentu yang mencetus semangat mereka.

³² Frank Ching, "Wake up Call", **Far Eastern Economic Review**, 23 December, 1999, m.s. 30-31.

³³ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 35 dan 55.

Rajah 2.1: Faktor Legitimasi Tokoh Wanita dalam Politik

Tokoh	Faktor Penglibatan Dalam Politik		
	Berdasarkan Kepada Kebolehan Peribadi	Melalui Pewarisan	Bergantung kepada Status Suami
Tokoh Tempatan	Ibu Zain Khadijah Sidek Aishah Ghani Sakinah Junid Zaleha Ismail Rafidah Aziz Napsiah Omar Siti Zaharah Sulaiman Shahrizat Jalil	Jamilah Ibrahim Toh Puan Asiah	Puteh Mariah Fatimah Hashim Fatimah Abdul Majid Asmah Alang Halimaton Abdul Majid Wan Azizah
Tokoh Luar Negeri	Margaret Thatcher	Arroyo Suu Kyi Megawati Indira Ghandi Benazir Butto Chandrika Kumaratunge	Hillary Clinton Corazon Aquino Begum Khaleda Zia Sirimavo Bendarenaike Sonia Ghandi

Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

Di Malaysia, Parti Keadilan Nasional diterajui oleh seorang wanita iaitu Datin Sri Wan Azizah, isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Anwar Ibrahim.³⁴ Pemerhati politik berpendapat, Wan Azizah bukanlah seorang wanita yang berkaliber dalam dunia politik.³⁵ Kewibawaannya dipertikaikan kerana beliau tidak pernah menunjukkan sebarang minat atau cita-cita yang besar dalam dunia politik semasa zaman kegemilangan suaminya menjadi orang kedua terpenting dalam negara. Latar belakang beliau dianggap tidak sesuai bagi seorang ahli politik kerana penampilan beliau yang

³⁴ Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipecat dari jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1998 atas tuduhan menyalahguna kuasa dan berkelakuan sumbang. Beliau kini sedang menjalani hukuman penjara. Ramai yang berpendapat bahawa Datuk Seri telah dianiaya dan akibat daripada pemecatan beliau yang dianggap tidak adil ini, satu gerakan reformasi telah menular dikalangan rakyat.

³⁵ Temubual dengan YB Dr. Latif Ahmad, Timbalan Menteri di Parlimen pada 24 April 2000.

lembut serta tidak berpengalaman menyebabkannya tidak dilihat sebagai tokoh yang mencabar.³⁶

Wan Azizah merupakan seorang ahli politik wanita terbaru yang terlibat dalam bidang ini kerana faktor keluarga. Sejarah Malaysia telah menunjukkan kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO dan Dewan Muslimat PAS juga berdasarkan kepada faktor keluarga. Menurut Ramlah Adam (1978) di awal perkembangannya, PWU cenderung untuk memilih tokoh-tokoh wanita yang mempunyai hubungan baik dengan kaum lelaki sama ada dari segi hubungan keluarga atau status sosial.³⁷ Di semua peringkat sama ada di peringkat *grass-root* atau pusat, kedudukan sosial politik suami menjadi pengaruh penting seperti Puteh Mariah, Fatimah Hasyim dan Fatimah Abdul Majid. Di dalam DMP, beberapa orang tokoh pemimpinnya mempunyai hubungan keluarga dengan pemimpin lelaki seperti Sakinah Junid isteri Dato' Asri dan Jamilah Ibrahim adik ipar kepada kepada Presiden PAS.

2.4. Gender dan Diskriminasi Politik

Politik telah lama menjadi bidang yang dikuasai oleh lelaki dan ia memberi ruang yang kecil untuk wanita berkembang. Konstruk budaya politik yang dibentuk melalui nilai-nilai budaya dalam sesebuah masyarakat membentuk satu dinding penghalang untuk wanita terlibat secara aktif. Ini kerana politik disamaartikan dengan kekuasaan lelaki.

³⁶ Sangwon Suh & Arjuna Panawana, "A Women of Grace: In A Year of Pressure and Heartache, Azizah Faced The Challenges With Courage and Dignity", *Asiaweek*, 31 Disember 1999-7 Januari 2000. Boleh didapati di laman web<<http://www.asiaweek.com/asiaweek/99/0806/newsmap/malaysia.html>>, (18 Ogos 2000).

³⁷ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 47-48.

Menurut Robert Lane (1963), penyertaan wanita dalam bidang politik adalah perlu kerana:

Whenever these consequences of women's suffrage have been studied, it would appear that women differ from men in their political behaviour only in being somewhat more frequently apatheticism parochial, conservative and sensitive to the personally emotional and aesthetic aspect of political life and electrol campaign.¹⁸

Jelas sekali, arena politik juga memerlukan penglibatan wanita untuk mengimbangi kuasa dan keputusan yang dibuat berkenaan dengan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat. Adanya pengaruh atau kuasa pentadbiran akan membantu wanita untuk sama-sama mengubah dan mengubal undang-undang yang ada, membentuk dasar-dasar kerajaan dan mengemukakan undang-undang yang lebih menitikberatkan kaum wanita serta kebijakan masyarakat.¹⁹

Gender menjadi sebahagian daripada isu politik kerana ia melibatkan kuasa. Kuasa dalam politik memberi peluang kepada individu untuk melakukan sesuatu. Dalam keadaan ini seseorang individu itu boleh mencorak kepada hubungan dominasi dan subordinasi. Kebanyakan wanita di dalam domain politik terutama di awal penubuhan Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan Dewan Muslimat PAS, memperolehi kuasa politik kerana mereka mempunyai hubungan dengan lelaki yang juga berpengaruh dalam politik. Wanita tidak diberi peluang untuk memiliki kuasa mutlak kerana politik telah dimonopoli oleh kaum lelaki. Hubungan gender memperlihatkan kaum lelaki lebih

¹⁸ Dipetik daripada Rosnah Tahir "Penyertaan Politik di Kalangan Wanita Melayu: Satu Kajian Kes ke atas Kegiatan Wanita Melayu UMNO di Kampung Baru" Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sosial Sains, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1976/1977, m.s. 37. Sila lihat Robert Lane, "Political Life: Why People Get Involved in Politics", dalam Almond & Verba, *Civic Culture*, Sydney, South Australia, 1963, m.s. 388.

¹⁹ Manon Tremblay, "Gender and Support For Feminism: A Case Study of the 1989 Quebec General election", dalam Francois-Piere & Gingras (pnyt), *Gender dan Politics in Contemporary Canada*, Oxford, Oxford Uni. Press, 1995, m.s. 32.

dominan atau berkuasa dikenali sebagai patriaki. Sistem patriaki ini lebih jelas dalam keadaan kekuasaan itu dipraktiskan melalui struktur keluargaan. Dalam hal ini, kaum wanita secara langsung dikuasai oleh ayah dan suami mereka.⁴⁰

Perkataan patriaki merupakan satu konsep yang menerangkan tentang struktur dominasi kaum lelaki. Konsep ini wujud dalam pelbagai bentuk atau keadaaan pada tahap yang berbeza. Menurut Waters (1994),

*...every avenue of power within the society including coercive force of the police is entirely in male hands.*⁴¹

Secara tidak langsung ia akan membentuk suatu tekanan ke atas kaum wanita dengan institusi-institusi ekonomi, politik dan ideologi yang dijustifikasi supaya wanita *subordinat* kepada lelaki. Hartmann (1981) berpendapat patriaki ialah,

*... a set of social relations between men, which have a material base, and which through hierarchical, establish or create interdependence and solidarity among men that enable them to dominate women.*⁴²

Patriaki disokong dan diperteguhkan lagi oleh agama, simbol, bahasa dan sistem budaya yang tidak mengiktiraf kaum wanita.⁴³ Ia menjurus kepada pengukuhan proses hubungan sosial gender yang tidak menghargai sumbangan wanita dalam arena awam serta menafikan peranan lelaki dalam arena peribadi. Dalam pengertian lain, ruang awam merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang tidak bersifat keluargaan seperti ekonomi dan

⁴⁰ Waters, M. & Crook, R., *op. cit.*, m.s. 192.

⁴¹ Waters, M., *Modern Sociological Theory*, London, Sage, 1994, m.s. 3.

⁴² Maguire, A. & Beverly Thiele, "Defining Public and Private Issues", dalam Rosemary Pringle and Linda McDowell, *Defining Women: Social Institutions and Gender Divisions*, Cambridge, Polity Press, 1992, m.s. 10.

⁴³ Waters, M., *op.cit.*, m.s. 3.

kegiatan politik, berbeza dengan peribadi yang dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti domestik dan kekeluargaan.⁴⁴

Umumnya arena awam merujuk kepada kegiatan-kegiatan luar yang berkaitan dengan ekonomi dan politik sementara arena peribadi berkaitan dengan aktiviti-aktiviti domestik dan kekeluargaan.⁴⁵ Arena awam dikategorikan bersifat ‘kelakian’ manakala ‘private’ lebih kepada kewanitaan. Kemahiran kaum wanita tidak diiktiraf dalam kehidupan awam kerana kemahiran-kemahiran yang mereka ada itu dikatakan satu kebolehan semulajadi apabila menguruskan rumah tangga. Tambahan pula, wanita sendiri yang mengutamakan urusan domestik dan memperuntukkan masa yang banyak untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Pembahagian ruangan awam dan ‘private’ ini kepada wanita dan lelaki dengan sendirinya meletakkan wanita di luar domain politik. Apatah lagi dalam membuat sesuatu analisa, politik dan sosial dianggap sebagai arena kaum lelaki.

Penakrifan tentang kedudukan kaum wanita dan kaum lelaki arena awam dan peribadi adalah mengikut pengertian kaum lelaki. Oleh itu, para feminis memikirkan betapa perlunya satu penakrifan yang boleh membawa kepada kebebasan kaum wanita daripada terus dikuasai oleh kaum lelaki. Menurut Za’ba, tradisi meletakkan wanita di rumah dan dalam lingkungan budaya menyebabkan mereka ditindas.⁴⁶ Selagi wujud penakrifan yang membezakan lelaki dan perempuan, kaum wanita akan terus terbelakang di dalam bidang-bidang yang dikuasai oleh lelaki terutama politik.

⁴⁴ Ibid., m.s. 3.

⁴⁵ Waters, M. & Crook, R., op.cit., m.s. 38.

⁴⁶ Hanapi Dollah, "Za'ba Sebagai Feminis", m.s. 331-337.

Jelasnya, politik tidak memberi impak yang sama ke atas wanita seperti mana lelaki. Teori politik yang berasaskan demokrasi Barat yang liberal memisahkan dunia awam dan peribadi. Arena domestik dianggap tidak mempunyai hubungan atau pertalian dengan kehidupan politik. Ia dilihat sebagai satu institusi di luar keperluan atau campurtangan kerajaan.⁴⁷ Dengan sebab itu politik diertikan sebagai kelakian daripada pelbagai sudut sehingga menyukarkan penglibatan wanita serta menyisihkan atau menganggap aktiviti wanita sebagai tidak politik.

Diskriminasi gender dalam politik dipercayai wujud akibat daripada pelbagai faktor. Pertama, perundangan di Malaysia tidak mempunyai penafsiran yang jelas tentang diskriminasi terhadap wanita. Diskriminasi yang dimaksudkan di sini ialah sebarang penganiayaan, halangan atau pengecualian yang dibuat berdasarkan jantina yang menghalang kaum wanita daripada menikmati kebebasan dalam politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.⁴⁸ Mengikut perkara 1 Konvensyen 1980,⁴⁹ istilah diskriminasi berbunyi,

Bagi tujuan Konvensyen ini, terma ‘diskriminasi terhadap’ wanita hendaklah bermakna apa-apa perbezaan, pengecualian atau sekatan yang di buat berdasarkan seks yang mempunyai kesan atau tujuan melemahkan pengiktirafan, penikmatan dan penguatkuasaan oleh wanita, tanpa mengira status perkahwinan mereka, atas sesatu dasar sama rata lelaki dan wanita, hak asasi manusia dan kebebasan diri dalam politik, ekonomi, sosial dan budaya atau apa-apa bidang kehidupan yang lain.⁵⁰

⁴⁷ Waylen, G., “Analysing Women in the Politics of the 3rd World” dalam Haleh Afshar (pnyt), *Women and Politics in the 3rd World*, London, Routledge, 1996, m.s. 8.

⁴⁸ “Laporan Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita,” 1999, tidak di terbitkan.

⁴⁹ Konvensyen 1980 lebih dikenali sebagai Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita yang diperkenalkan dalam tahun 1980. Ia merangkumi semua hak sama rata antara lelaki dan wanita dalam pelbagai bidang. Sila lihat Rozi Bainon, *op. cit.*, m.s. 23-29.

⁵⁰ *Ibid.*, m.s. 29.

Definasi ini memberi gambaran yang jelas bahawa sebarang perbezaan tanpa objektif dan justifikasi yang munasabah dan berdasarkan jantina semata-mata adalah satu bentuk diskriminasi. Dalam perundangan persekutuan, di dalam Perkara 8, Bahagian (2) tidak menghalang diskriminasi berdasarkan jantina. Ini secara tidak langsung membenarkan diskriminasi gender berlaku. Perlembagaan Persekutuan hanya menyebut hak samarata di sisi undang-undang ke atas warganegara Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan tetapi tidak menyentuh mengenai hak samarata berdasarkan jantina. Sebahagian daripada petikan Fasal 2 yang dikatakan menafikan kewujudan diskriminasi gender dalam masyarakat di Malaysia berbunyi;

...there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent or place of birth in any law.⁵¹

Kenyataan di atas tidak pula menyentuh tentang diskriminasi berdasarkan gender. Malah semasa Perlembagaan Tanah Melayu dikeluarkan pada tahun 1957 dengan jelas tidak menjamin persamaan hak berdasarkan jantina, tiada bantahan dikemukakan walaupun daripada kalangan wanita sendiri.⁵² Dancz (1981) melaporkan bahawa editor *Utusan Melayu* telah menyuarakan berkenaan perkara ini malangnya tidak mendapat sebarang tindak balas daripada kaum wanita.⁵³ Ini mendatangkan kemusyikilan tentang matlamat perjuangan wanita UMNO pada masa itu yang dikatakan giat menuntut kedudukan yang lebih baik bagi wanita dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan.

⁵¹ Ibid.

⁵² Norami Abdullah, "Women's Participation in The Political Development Process in Malaysia" dalam Jamilah Ariffin (pnyt), **Readings on Women and Development in Malaysia**, Kuala Lumpur, Pelanduk Publication, 1994, m.s. 97-99.

⁵³ Dancz, V.H., op. cit., m.s. 264-265.

Isu diskriminasi gender bukanlah satu perkara yang baru. Malah hal ini telah menjadi isu yang besar di sebelah negara-negara Barat. Tambahan pula ianya merupakan satu isu sosial yang sensitif dan perlu ditangani dengan baik kerana boleh menimbulkan ketegangan di antara kaum lelaki dan kaum wanita dalam sesebuah masyarakat.⁵⁴ Oleh kerana peranan wanita dan lelaki itu telah ditentukan oleh masyarakat dalam dua bidang yang berlainan maka timbul ketidaksamaan dalam hubungan gender apabila wanita cuba menceburi bidang-bidang diluar lingkungan rumah tangga. Mereka terpaksa berhadapan dengan halangan-halangan seperti peluang pekerjaan yang kurang, kurang peluang kenaikan pangkat dan sebagainya. Malah wanita juga mungkin tidak mempunyai peluang yang sama dengan lelaki untuk mendapat promosi kerja. Menurut Robiah Saidin (2000),

...prasangka dan diskriminasi terhadap wanita adalah satu gejala negatif secara ekstrinsik dan intrinsic kerana ia boleh menyekat peluang mereka untuk bersekolah, mengikuti latihan dan pendidikan bagi mendapat pekerjaan.⁵⁵

Hari ini kebanyakan wanita Melayu menyedari bahawa selain daripada memainkan peranan sebagai isteri, ibu dan surirumahtangga, mereka juga boleh menyumbang kepada negara dengan melibatkan diri dengan bidang-bidang lain seperti politik secara terbuka dan bebas. Bagaimanapun pengiktirafan kepada peranan mereka amat kurang. Misalnya bilangan ahli wanita di dalam parti PAS dan UMNO menyamai separuh daripada jumlah keseluruhan ahli tetapi mereka dikatakan hanya berperanan sebagai penyokong sahaja. Kaum wanita merupakan ahli parti yang paling giat berkempen terutama bila menjelang pilihanraya untuk mendapatkan sokongan masyarakat. Malangnya usaha kaum wanita ini tidak menunjukkan perubahan yang

⁵⁴ Robiah Saidin, **Pembangunan Pendidikan dan Wanita: Cabaran dan Perancangan**, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, m.s. 23.

⁵⁵ *Ibid.*

menggalakkan bagi menjamin kedudukan dalam pentadbiran kerajaan atau sebagai calon wakil rakyat. YB. Mazidah Zakaria semasa berucap pada tahun 1984 di mesyuarat agung NCWO mengatakan, walaupun jumlah pengundi wanita adalah besar di dalam negara, tetapi pengiktirafan hak berpolitik dalam pemerintahan adalah tidak seimbang.⁵⁶

Wanita di Malaysia menikmati peluang yang sama seperti kaum lelaki untuk mengundi. Mereka dikatakan diberi peluang yang sama dalam politik. Memang benar wanita tidak dikecualikan daripada berpolitik tetapi mereka hanya memainkan peranan pinggiran sahaja. Keengganan atau ketidakupayaan PWU untuk membuat pembaharuan atau perubahan dalam parti walaupun tentang perkara yang menyentuh mengenai status wanita di dalam parti itu sendiri merupakan satu bentuk subordinasi wanita kepada lelaki. Manderson (1981) menerangkan, keadaan ini berlaku kerana sebarang perubahan yang memberi kesan kepada PWU juga akan mempengaruhi pucuk kepimpinan pergerakan wanita itu sendiri dan para pemimpin lelaki yang merupakan suami atau saudara kepada pemimpin wanita tersebut.⁵⁷ Hart (1991) menyokong pandangan Manderson ini. Penemuan beliau menunjukkan polarisasi penglibatan yang berlainan di antara lelaki dan wanita di beberapa buah kawasan di Sungai Gajah mengukuhkan lagi andaian bahawa politik dimonopoli oleh kaum lelaki.⁵⁸ Menurut Hart (1991) lagi, kaum lelaki dikatakan mempengaruhi isteri mereka untuk bergaul dengan jiran tetangga yang terlibat dalam parti yang sama sahaja. Mereka tidak membentarkan isteri bergaul dengan wanita yang menyokong atau suami mereka yang terlibat dalam parti lain. Malah ada juga di antara

⁵⁶ Sila lihat rujukan mengenai hal ini yang dimuatkan dalam Nik Safiah Karim, **Wanita Malaysia: Cabaran dan Masa Depan**, Kuala Lumpur, 'K' Publishing & Distributors, 1990, m.s. 63.


⁵⁷ Manderson, I., op. cit., m.s. 205.

⁵⁸ Hart, G., "Engendering Everyday Resistance: Gender, Patronage and Production Politics in Rural Malaysia", **Journal of Peasant Society Studies**, 19 (1), 1991, m.s. 111.

mereka tidak akan menghadiri kenduri kendara sekiranya yang mengadakan kenduri tersebut merupakan ahli daripada parti lawan.⁵⁹

Bab ini membincangkan tentang pengaruh gender dan hubungkaitnya dengan legitimasi dan diskriminasi politik terhadap wanita. Secara ringkasnya, mengikut rajah 2.2, bab dua membicarakan dua konsep yang digunakan untuk menganalisa penglibatan wanita dalam politik iaitu legitimasi politik dan diskriminasi politik. Kedua-dua konsep ini dipercayai mempengaruhi konstruk hubungan gender dalam politik.

Rajah 2.2.: Kerangka Konsep Teori Penglibatan Wanita Dalam Politik



Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

⁵⁹ Ibid., ms. 111-112. Namun begitu, tindakan tidak menghadiri kenduri bukan amalan di kalangan wanita. Walaupun mereka tidak dibenarkan oleh suami untuk bergaul dengan penyokong parti lawan namun apabila kenduri diadakan kaum wanita masih turut serta untuk membantu.

Kebanyakan pemimpin politik wanita yang terkenal di Asia umumnya dan di Malaysia khususnya, dikaitkan dengan ahli keluarga lelaki apabila berjaya meletakkan diri dalam politik. Faktor status keluarga dikatakan menolong kaum wanita untuk mendapat ‘laluan mudah’ dalam bidang ini. Akibatnya masyarakat memandang golongan wanita yang berjaya dalam bidang kerana faktor legitimasi tersebut. Penglibatan wanita dalam politik khasnya, masih dinilai dengan tanggapan yang mengikat mereka kepada imej tradisional wanita. Malah masyarakat terutama kaum lelaki tidak meletak kemampuan dan kebolehan wanita sebagai pemimpin politik setanding dengan lelaki.

Konstruk gender yang menentukan peranan tertentu yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita dalam masyarakat mempengaruhi corak penglibatan wanita dalam bidang awam terutama politik. Diskriminasi politik lahir akibat daripada pandangan dan ketetapan tentang hubungan gender yang tidak seimbang ini. Justeru itu, walaupun wanita mempunyai potensi untuk berjaya dalam bidang ini tetapi ianya disekat oleh diskriminasi politik yang berakar umbi daripada mentaliti masyarakat Melayu yang menetapkan peranan yang berbeza kepada lelaki dan wanita. Walaupun wanita berdepan dengan sikap ‘double standard’ tetapi masih terdapat segelintir daripada mereka yang berjaya dan berada dalam barisan kepimpinan.

Kesimpulannya, kaum wanita perlu mencabar ideologi gender yang menjadi mentaliti masyarakat Melayu supaya mereka diberikan peluang yang lebih besar untuk berkecimpung dalam bidang awam. Perundangan Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang kaum wanita daripada dilantik sebagai wakil rakyat atau senator. Mereka juga mempunyai hak yang sama untuk memegang jawatan-jawatan dalam kerajaan sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan jawatan-jawatan lain di peringkat membuat

keputusan. Tetapi dalam sesebuah masyarakat, pandangan dan ketetapan tentang hubungan gender memainkan peranan untuk menentukan peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita. Timbulnya permasalahan ini kerana salah faham dan steroetaip terhadap peranan jantina. Masyarakat mempunyai ideologi gender yang meletakkan wanita dan lelaki dalam peranan yang berbeza-beza. Secara tradisinya wanita harus memainkan peranan di rumah iaitu menguruskan keluarga dan rumahtangga. Tugas ini dianggap sebagai tugas utama wanita serta tidak dinilai sebagai sebahagian daripada kegiatan awam.

Oleh itu, adalah penting bagi kaum wanita diterima di peringkat kepimpinan kerana kewibawaan mereka dan bukan semata-mata untuk melengkapkan kuota gender. Pengiktiran kebolehan wanita sebagai pemimpin berdasarkan kebolehan mereka adalah penting supaya masyarakat dapat menilai dan mengakui kemampuan kaum wanita. Selain itu, sekiranya wanita masih terus memandang peranan mereka sebagai penyokong kepada lelaki maka amat sukar untuk mereka maju dalam arena awan.